

Rancangan Kemajuan Tanah (RKT) Sungai Merab (1961)

Dirujuk oleh

- [Sungai Merab \(1860-an\)](#)

Rancangan Pertama (1961)

1963-10-22: Keadaan Kampung Rancangan Pembangunan Luar Bandar (PLB)

"Menteri Besar Selangor Dato Abu Bakar Baginda akan melawat kawasan Pembangunan Luar Bandar Sungai Merab, Kajang pada jam 4 petang esok untuk menyiasat sendiri kesulitan2 yang di-hadapi oleh petani2 di-situ. Beliau akan mengadakan satu majlis temu ramah dengan petani2 di-situ." (Berita Harian, 22 October 1963, Page 8:

|
"Melawat PBL").

"Pegawai Daerah Kajang Tuan Syed Ismail bin Ahmad telah memuji penduduk2 kampung Rancangan Luar Bandar Sungai Merab Kajang kerana rajin bekerja bergotong royong untuk memperbaiki lagi kampung itu. Pujian ini telah di-buat oleh beliau ketika beruchap di-hadapan sa-ramai 350 orang penduduk kampung ini pada petang Thalatha yang lalu. Tuan Syed Ismail menerangkan bahawa semenjak kampung ini di-buka oleh kerajaan pada tahun 1961 penduduk2 kampung ini telah beberapa kali membuat kerja gotong royong membena tapak masjid dan menggali tali ayer sa-jauh 65 ela. Kerja gotong royong yang di-buat oleh penduduk2 di-sini boleh-lah di-beri pujian dan untuk menjadi chontoh kepada penduduk2 kampung yang lain. Tuan Syed Ismail juga telah menerangkan sabuah masjid akan di-bena di-kampung ini tidak lama lagi. Dan untuk memberi kemudahan kepada penduduk2 kampung ini sa-buah tanah berkuboran sa-luas sa-ekar telah di-adakan. Kerajaan juga akan menggali tali ayer dan juga membena jalan raya di-kampung ini tidak lama lagi." (Berita Harian, 25 October 1963, Page 6:

|
"Penduduk rajin di-puji").

"Kerajaan telah mendirikan dua buah sekolah kebangsaan dalam bidang ranchangan PLB bagi daerah Ulu Langat dan Kajang. Sekolah2 itu ia-lah di Sungai Tekali dan di-kampung Sungai Merab. Sekolah2 itu akan di-buka mu-..." (Berita Harian, 24 October 1963, Page 5:

|
"Dua sekolah PLB di-bena").

"Sa-ramai 85 orang penduduk di-Rancangan Kemajuan Tanah Sungai Merab Kajang telah merayu beramai2 kepada Menteri Besar Selangor untuk melanjutkan lagi wang bantuan bulanan mereka seperti yang pernah di-janjikan oleh Dato' Abu Bakar Baginda sendiri. Inche' Yahya bin Othman ahli jawatankuasa kampung ini telah memberitahu Berita Harian bahawa sa-ramai 85 keluarga dari mukim

Kajang telah mengerjakan tanah di-sini di bawah Ranchangan Kemajuan Tanah Negeri Selangor. Inche' Yahya juga menerangkan pada tahun(?) lalu penduduk2 di-kampung ini telah(?) menerima(?) wang bantuan sa-banyak \$20 sa-bulan ? wang bantuan kepada orang2 yang mengerjakan tanah baharu ini di-bawah ranchangan pembangunan Luar Bandar. Tetapi wang bantuan ini telah di-berhentikan oleh kerajaan pada bulan June yang lalu dengan alasan penduduk2 di-sini telah menerima wang bantuan sa-lama sa-tahun. Menurut Inche' Yahya lagi kerana wang bantuan itu tidak di-terima lagi oleh penduduk2 di-sini telah kesulitan mereka yang mengerjakan tanah baharu ini telah bertambah. Inche' Yahya juga menerangkan kebanyakan keluarga yang tinggal di-kampung ini mempunyai sa-kurang2-nya empat orang anak yang bersekolah. Mata pencharian penduduk2 di-sini sa-lain mengerjakan tanah ialah mengambil upah menoreh getah di-estet2 yang berhampiran dengan kampung Sungai Merab ini. Menurut Inche' Yahya lagi pada bulan October yang lalu Menteri Besar Selangor Dato' Abu Bakar Baginda serta ahli2 jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Daerah Ulu Langat telah datang di-kampung ini untuk menyiasat kesulitan2 penduduk2 kampung ini. Di-dalam perjumpaan dengan orang2 kampung Dato' Abu Bakar Baginda di-katakan telah berjanji akan meneruskan lagi wang bantuan itu kepada penduduk2 kampung ini dengan sa-chepat mungkin. Tetapi wang bantuan itu belum di-terima oleh penduduk2 kampung ini." (Berita Harian, 26 December 1963, Page 5:

"Petani2 tuntutan janji MB").

1963-11-27: Pembinaan Masjid dan Balai Raya

"Kerajaan Selangor telah membena empat buah masjid dan empat buah balai raya di-daerah Ulu Langat dan Kajang. Masjid2 dan balai2 raya ini menelan belanja sa-banyak \$125,000 dan di-jangka siap pada bahagian awal tahun depan, demikian menurut Tuan Syed Ismail bin Ahmad, Pengerusi Ranchangan Pembangunan Luar Bandar daerah Ulu Langat. Masjid2 itu telah di-bena di-Kampung Batu 10 Cheras, Kajang; Kampung Luar Bandar Sungai Merab; Kampung Dengkil dan Kampung Sekolah Sungai Merab. Sementara itu balai2 raya pula telah di-bena di-Kampung Pulau Meranti, Kampung Rinching Hilir, Kampung Sungai Buah dan Kampung Sekolah Sungai Merab." (Berita Harian, 27 November 1963, Page 6:

"Empat lagi masjid di-dirikan").

From:
<https://bangi.pulasan.my/> - Cebisan Sejarah Bangi

Permanent link:
https://bangi.pulasan.my/rkt_sgmerab?rev=1757995264

Last update: 2025/09/16 12:01

